

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon


Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



Rebellion Tentera

Mycobacteria

Dr. Nurashikin Mohammad
Pensyarah dan Pakar Perunding Perubatan Dalam dan Pulmonologi
Jabatan Perubatan Penyakit Dalam
Pusat Pengajian Sains Perubatan
Kampus Kesihatan USM Kelantan



"Keluarga kita boleh membiak
di kawasan ini" dia bersuara
kepada sebuah koloni. "Ayuh cepat
gandakan bilangan kita agar kita
boleh memerintah kawasan ini dan
lebih berkuasa"

“U huk..uhuk..”, batuk ayah kian menggila. Sudah berbulan lamanya. Namun, sedari dahulu ayah sememangnya bermusuhan dengan namanya doktor atau hospital. Seolah-olah seperti peribahasa Melayu ‘berpatah arang berkerat rotan’. Ayah tidak akan menurut nasihatku mahupun ibu supaya dia pergi mendapatkan rawatan di hospital. Baginya, dia rela mengambil pil-pil yang dibeli di kedai majun atau paling tidak di kedai runcit. Padanya, dia tidaklah sakit. Sekadar batuk-batuk biasa apalah sangat nak dirisaukan. Aku merungut sendirian. Batuknya bukan sekadar biasa. Bunyi nyanyian kerongkongnya yang sempit membuatkan aku sendiri terasa kepedihan anak tekak meskipun bukan aku yang mengalaminya.

Sekali sekala dia meluahkan isi tekak ke luar jendela. Banyak sekali isi yang diluahkan. Padanya mungkin mengundang lega. Satu pagi yang hening, kulihat sekujur tubuh yang bukan sahaja berdiri pun lemah, bahkan duduknya longlai. Nafas dadanya turun naik turun naik, panjang. Lantaran batuk yang tiada henti, ayah bertambah kurus. Kini ayah sudah tidak bersemangat untuk ke kebun. Entahkan dek jerih atau lelah.

“Ajaklah ayah kamu makan, ibu dah masak singgang ikan tongkol ni”.

Hidungku kembang kempis menangkap bau dari arah dapur. Liur laju sekali merembes. Enak benar singgang masakan ibu. Aku pasti ibu sengaja masakkan lauk kegemaran ayah.

“Kamu makan dengan ibu kamu dulu, ayah makan apabila ayah sudah lapar nanti”.

Begitulah rutin ayah semenjak dua atau tiga bulan yang lalu. Seleranya mati. Setiap hari dia hanya memakan nasi secubit dua, dan masakan ibu langsung tidak memecah kecur liur selera buatnya. Pada sebelah pagi dia hanya mencicah air teh bersama sekeping roti, dan diulang lagi perbuatan sama selepas solat Isyak. Padaku itu cumalah dia memaksa diri agar dia tidak rebah kekurangan tenaga. Sebelum bermulanya episod dia batuk, ayahlah orang yang paling bersemangat menikmati sajian masakan ibu, sehingga kadang-kadang bertambah dua pinggan nasi. Ayah tidak faham atau peduli akan penyakit diabetes yang dialaminya, dia makan tanpa memikirkan apa-apa kesan pada dirinya. Pernah suatu masa dahulu, pada hematku, tiga tahun lalu semasa arwah abang masih ada ayah akur ke klinik. Pada masa itu, doktor menyarankan ayah agar mengambil ubatan bagi menurunkan paras gula yang mencanak tinggi. Sampai kini

ubatan itu hanya luak sekerat papan. Selebihnya diletakkannya ke dalam bekas, ditutupnya kemas-kemas dan tak ternampak lagi. Seingat aku semenjak menginjak tua, itulah kali pertama dan terakhir ayah pergi ke klinik. Setelah abang meninggal dunia dek nahas jalan raya, ayah tidak peduli tentang semua itu lagi.

Seminggu ini nampaknya ayah banyak terbaring. Lesu tetapi dia masih lagi berdegil. Tidak sekalipun dia bersetuju untuk aku membawanya ke klinik di bandar. Siangnya menjadi malam, malamnya menjadi siang.

Setiap malam ayah mengejutkan ibu untuk mengambil baju yang lain agar dia boleh menggantikan bajunya yang basah. Suhu badan ayah panas. Bajunya lembap dek peluh membasah. Matanya enggan lena.

"Semenjak bila dia batuk berdarah?" "Berapa lama dia batuk?" "Adakah tanda-tanda demam, kurang berat badan, kurang selera makan pada ayah?"

Hari ini adalah hari yang tak terduga oleh siapapun dalam kalangan kami bertiga; ibu, aku mahupun ayah. Si empunya badan yang begitu lemah dan tidak bermaya terus batuk lagi dan secara tiba-tiba kelihatan cecair merah tersembur dari mulutnya tatkala dia batuk. Ia persis darah. Ya, darah. Aku kebingungan melihat ayah batuk menghambur darah. Sambil terjerit-jerit dan air mata yang mengalir deras melihat keadaan ayah begitu, aku membuat panggilan kecemasan. Pantas. Sejurus ambulan tiba, ayah dibawa ke hospital. Batuk masih tidak berhenti. Cecair merah bertambah gelap. Ayah tiada daya menghalang lagi. Tubuh kecil ayah diusung dari ambulan ke katil hospital.

Doktor di Zon Merah Kecemasan melihat sekali lalu. Aku melihat beliau terus membuat arahan supaya ayah mendapatkan imbasan X-ray bahagian dadanya. Aku dan ibu masih terkejut. Dalam hati kecil aku berdoa dan mulutku terkumat-kamit membaca selawat Nabi. Aku mahu ayah selamat. Ayah cuma batuk. Mengapa tiba-tiba hari ini batuk ayah berdarah?! Aku segera ingin bertanya kepada doktor muda tadi. Apakah yang tidak kena dengan ayahku. Sebaik sahaja ayah selesai diimbas, ayah direhatkan di katil zon merah. Ayah diberi salur tiup ke hidungnya. Kedua-dua belah lengannya kini ditusuk jarum kecil. Aku hanya mampu melihat dari jauh.

Doktor tadi membuka imej imbasan X-ray, aku dapat meneka ia milik ayahku. Sejurus sahaja itu dia meluru ke arahku.

"Semenjak bila dia batuk berdarah?" "Berapa lama dia batuk?" "Adakah tanda-tanda demam, kurang berat badan, kurang selera makan pada ayah?"

Bertubi-tubi soalan dari mulut kecil doktor itu tetapi aku berjaya menjawab kesemuanya. Terkenang memori aku ditemuduga kerjaya beberapa bulan lalu. Fikiranku melayang sebentar. Hebat benar doktor muda itu. Soalan-soalan yang dilontarkannya seakan dia sudah pernah menjengah keadaan ayahku di rumah. Kesemua yang ditanya ada pada ayah. Tanda-tanda yang ayah alami pastinya menunjukkan ayah ada sesuatu penyakit yang serius. Wajahnya nampak sedikit kecewa apabila aku memaklumkan bahawa batuk ayah sudah melebihi dua tiga bulan. Tetapi, tiada kudrat ibu dan aku untuk memaksa ayah pergi berjumpa doktor.

Doktor itu memberitahu, ayah akan dimasukkan ke wad untuk pemeriksaan lanjut. Kemungkinan ayah mengalami jangkitan kuman. Kami tidak dibenarkan melawat buat sementara waktu. Aku melihat ayah diberi cecair merah. Darah barangkali. Akal logikku mengatakan, darah yang hilang mesti diganti kembali.

Legasi keluarga kita ini mesti diteruskan. Semenjak kita 'ditemukan' oleh Robert Koch pada tahun 1882, kita tidak pernah hilang di atas muka bumi ini.

"Keluarga kita boleh membiak di kawasan ini" dia bersuara kepada sebuah koloni. "Ayuh cepat gandakan bilangan kita agar kita boleh memerintah kawasan ini dan lebih berkuasa", bergema suara dan gelak ketawa satu koloni Mycobacteria Tuberculosis.

"Orang ini punya segalanya untuk kita. Mana tidaknya, darah orang ini manis. Sesuai benar askar-askar Mycobacteria membiak pesat. Lagi kita berkuasa, lagi dia lemah. Sekarang kita boleh menunjukkan belang sebenar, siapa kita. Ha ha ha", kata ketua koloni di situ.

"Hari ni tugas kita menguasai semua kawasan tisu paru-paru yang ada. Jangan biarkan ada yang sihat. Kita menyerang habis-habisan. Kita korek paru-paru dia jadikan kawah. Kawah ini akan

membesar membuat nanah, sehingga salur darah dia tercedera parah. Ha ha ha". Hilai tawa saling berganti-ganti.

Legasi keluarga kita ini mesti diteruskan. Semenjak kita 'ditemukan' oleh Robert Koch pada tahun 1882, kita tidak pernah hilang di atas muka bumi ini. Keluarga kita istimewa. Dari 190 spesis keluarga kecil Genus Mycobacteria, kitalah geng pahlawan sebenar yang banyak menjangkiti manusia.

Maka kelestarian ini kini menjadi titik tolak kepada titah kuasa kita. Kita akan menjadi generasi yang lebih kebal melawan anti-tuberculosis yang lima itu. Sesetengah keluarga kita mempunyai daya ketahanan luar biasa sehingga manusia itu terpaksa dikurung di sebalik empat penjuru dinding. Bukankah itu matlamat rebellion ini? Diramalkan tahun 2030 kita bakal menepuk tangan meraikan kejayaan kita ini.

Gembira benar koloni Mycobacteria yang telah berkuasa dalam paru-paru Pak Ahmad. Kini fahamlah dia, tanda-tanda yang dia alami selama ini adalah petanda bahawa dia telah dijangkiti Tuberkulosis hasil dari koloni Mycobacteria yang membiak.

Sekumpulan doktor mengetuk pintu bilik di mana Pak Ahmad ditempatkan. Mereka semua menyarungkan topeng ke muka melitupi paras hidung ke mulut. Aku tertawa kecil melihat mereka semua seperti mahu bertemu alien yang mutan.

Ibu dan aku sendiri tidak digalakkan masuk ke bilik ayah. Doktor memberitahu ayah dihidapi penyakit berjangkit Tuberkulosis Paru-paru. Ayah sudahpun diberi rawatan. Jumlah kesemuanya hampir dua belas biji sehari. Kata doktor rawatan Tuberkulosis adalah selama enam bulan, tetapi mungkin juga lebih, bergantung kepada tindakbalas ayah.

Aku menarik nafas lega. Paling tidak, penyakit ayah bukanlah kanser. Aku memujuk hati mengatakan Tuberkulosis boleh dirawat. Kini setelah beberapa hari ayah dimasukkan ke wad, keadaan ayah bertambah pulih.

Aku dan ibu terpaksa menghadiri ujian bagi memastikan kami tidak dijangkiti. Ayah sedar pilihannya beberapa bulan lalu telah mengubah sisi kehidupannya untuk beberapa bulan yang akan datang. Ayah berjanji kepada kami semua dia akan lebih berhati-

hati dan akan setia hadir rawatan susulan di Hospital Kuala Berang.

Esok hari yang dinanti-nantikan. Cahaya cerah menembusi jendela kamar wad ayah. Wajah ayah begitu berseri-seri. Dua minggu lamanya kami berulang-alik dari rumah ke sini untuk melawat ayah. Ini bermakna sudah empat belas hari ayah tidak tidur di rumah. Pasti dia tidak sabar untuk pulang. Sebelum kereta meluncur keluar pagar hospital, ayah berbisik pada ibu "Sebulan lagi kita ke sini ya". Aku cukup berbangga dengan transformasi sikap ayah. Semangatnya yang berkobar-kobar untuk meneruskan rawatan susulan amat melegakan hatiku.

Kini bayangan peristiwa berdarah tempoh hari hampir sudah aku lupakan.



Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash